

# GERAN KOMUNITI K2K

## Terma Rujukan

*Apakah Geran Komuniti K2K?*

Dilaksanakan oleh



Dengan sokongan



Sebuah program





## **1 Apakah Program Kita-untuk-Kita (K2K)?**

1.1 *Kita-untuk-Kita*(K2K) adalah program yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup komuniti perumahan awam. Program K2K ingin meningkatkan penglibatan komuniti dalam pengurusan perumahan awam mereka. Ini akan membolehkan komuniti bersama-sama dengan pihak pengurusan menyelesaikan cabaran sosial, ekonomi dan fizikal yang mereka hadapi. Program K2K mempunyai empat komponen:

- a. Pemerksaan Komuniti
- b. Pengurusan Bersama Perumahan Awam
- c. Ekonomi dan Pendapatan
- d. Advokasi dan Pembaharuan Dasar

1.2 Program K2K berniat untuk membina semangat kekitaan dan mengeratkan rangkaian kerjasama dikalangan komuniti perumahan awam. Komuniti yang bersatu dapat memastikan projek-projek yang dijalankan memenuhi keperluan komuniti dan menghasilkan impak yang positif terhadap komuniti.

## **2 Apakah Geran Komuniti K2K?**

2.1 *Geran Komuniti K2K* memberi peluang kepada komuniti perumahan awam untuk memainkan peranan terus dalam peningkatan dayahuni perumahan mereka. Geran ini disasarkan kepada 10 lokasi perumahan awam Program K2K (sila rujuk bahagian 6 terma rujukan). Penghuni di 10 perumahan sasaran ini digalakkan untuk membentuk kumpulan dan/atau persatuan untuk memohon geran ini bagi melaksanakan projek yang sudah dikenalpasti. Geran ini juga terbuka kepada golongan bukan-penghuni yang mempunyai idea-idea yang berkesan untuk pembangunan sosial komuniti perumahan awam.

## **3 Apakah objektif Geran Komuniti K2K?**

- 3.1 Membantu komuniti perumahan awam sasaran K2K menangani isu yang mereka hadapi bersama.
- 3.2 Membina perpaduan sosial dengan menanamkan semangat kekitaan di kalangan komuniti perumahan awam.
- 3.3 Menggalakkan pertukaran pengetahuan dan mengembangkan rangkaian kerjasama bagi membolehkan komuniti perumahan awam mendapat akses kepada perkhidmatan dan sumber relevan untuk pembangunan sosial komuniti.
- 3.4 Membangunkan kaedah-kaedah inovatif serta mekanisme penyelesaian konflik untuk membina kapasiti baharu bagi mengukuhkan pengurusan perumahan awam secara menyeluruh.
- 3.5 Mewujudkan ruang yang selamat dan sihat di kompleks perumahan awam bagi membolehkan ahli komuniti berinteraksi sesama sendiri, sekaligus mengukuhkan semangat kekitaan komuniti.



#### **4 Siapakah yang boleh memohon geran ini?**

4.1 Program geran ini disasarkan kepada penghuni yang tinggal di perumahan awam sasaran program K2K, dan juga kepada pakar atau organisasi yang berminat untuk meningkatkan daya huni perumahan awam. Dua kategori pemohon ini secara khususnya adalah:

4.1.1 **Penghuni perumahan awam** daripada 10 lokasi K2K, untuk memohon sebagai kumpulan, persatuan atau organisasi berasaskan komuniti (yang berdaftar dan tidak berdaftar).

4.1.2 **Bukan penghuni**, dalam bentuk pakar-pakar komuniti, pertubuhan masyarakat sivil, kolektif, institusi, persatuan dan syarikat swasta. Pemohon harus mengenal pasti dan mendapat sokongan daripada komuniti perumahan awam yang terlibat dengan Program K2K sebelum membuat permohonan.

4.2 Pemohon utama mesti bertanggungjawab atas pentadbiran dan kewangan, serta terlibat secara aktif sepanjang tempoh projek.

#### **5 Apakah yang disokong geran ini?**

5.1 Geran Komuniti K2K menyokong pembiayaan langsung untuk anda melaksanakan projek cadangan anda, mengikut skala dan proses projek yang dicadangkan, selari dengan tema geran.

5.2 Semua permohonan akan dinilai satu per satu. Pemohon digalakkan untuk mendapatkan atau memberi sumbangan kerana program geran tidak boleh menyokong 100% kos projek yang dicadangkan. Sumbangan boleh dalam bentuk tunai dan juga bukan-tunai.

5.3 Bagi permohonan geran saiz besar, ia perlu menunjukkan impak sasaran kepada komuniti yang lebih tinggi, selari dengan jumlah sumbangan di dalam projek pemohon.

5.4 Sila ambil perhatian kepada perkara-perkara berikut:

5.4.1 Hanya projek yang mempunyai sumbangan bersama (dalam bentuk tunai atau bukan-tunai\*) akan disokong;

5.4.2 Projek dengan sumbangan yang lebih tinggi akan mempunyai peluang yang lebih baik untuk dibiayai;

5.4.3 Projek yang mempunyai potensi impak tinggi terhadap komuniti akan diberi keutamaan;

5.4.4 Projek yang inklusif kepada pelbagai golongan komuniti, membawa pengguna baharu ke ruang perumahan yang sedia-ada, memupuk perpaduan sosial dan mengukuhkan daya huni perumahan awam, akan disokong; dan

5.4.5 Projek yang boleh disiapkan sebelum akhir Oktober 2024 akan diutamakan.\*\*

\* Sumbangan dalam bentuk bukan-tunai merujuk kepada jenis sumbangan yang melibatkan barangan, aset atau tenaga-kerja. Urus niaga dalam bentuk barangan akan dinilai berdasarkan nilai


pasaran saksama barangan. Nilai tenaga-kerja akan berdasarkan gaji minima rasmi.

**\*\* Permintaan bertulis mesti dihantar kepada Think City selewat-lewatnya pada 1 September 2024 sekiranya ada perubahan kepada projek.**


**6 Di manakah tumpuan geografi Geran Komuniti K2K?**

6.1 Program ini hanya terbuka kepada projek yang dilaksanakan di dalam 10 perumahan awam sasaran K2K di kawasan Kuala Lumpur dan Selangor. Pemohon dikehendaki mencadangkan projek dalam kawasan sasaran ini seperti liputan yang ditunjukkan dalam peta di bawah:

**Kuala Lumpur**



**Selangor**



**KUALA LUMPUR**

- 1 PA Seri Selangor
- 2 PA Seri Sarawak
- 3 PA Hang Tuah
- 4 PPR Seri Cempaka
- 5 PA Seri Kota
- 6 PPR Taman Mulia
- 7 PA Seri Sabah 3A
- 8 PPR Desa Tun Razak

**SELANGOR**

- 9 PPR Lembah Subang 1
- 10 PPR Kg. Baru HICOM

*\*Hentikan cursor di atas peta untuk mendapatkan pautan lokasi kompleks perumahan awam sasaran K2K.*

## 7 Jenis projek yang disokong oleh geran

Geran Komuniti K2K memberi sokongan pembiayaan langsung kepada projek mengikut dua tema di bawah:

TEMA 1 PEMERKASAAN KOMUNITI	TEMA 2 KESEJAHTERAAN KOMUNITI
Membentuk kolektif, kumpulan, persatuan atau organisasi akar umbi di perumahan awam – yang mendorong perpaduan sosial, modal sosial, dan membenih semangat kekitaan komuniti.	Memperbaiki kebersihan, keselamatan, dan persekitaran yang sihat melalui intervensi komuniti yang bersasar.
<p>Aktiviti-aktiviti yang disokong geran termasuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. <b>Pembinaan Kapasiti</b> – Mengembangkan pengetahuan dan kemahiran untuk komuniti perumahan awam melalui program pembelajaran, aktiviti , bengkel, <i>masterclass</i>, lawatan sambil belajar, kursus pensijilan, dll.</li> <li>b. <b>Pengaktifan Sosial</b> – Menyusun, menyelaraskan, dan menghasilkan aktiviti, acara, festival atau program komuniti yang meraikan kepelbagaian komuniti untuk membina perpaduan sosial dalam kalangan masyarakat; ataupun penambahbaikan kelengkapan ruang yang sedia ada, seperti perabot, alat-alatan, aksesori bangunan seperti kerja elektrik, dan untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan ruang.</li> <li>c. <b>Tindakan Kolektif</b> – Menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penghuni perumahan awam, mekanisme penyelesaian konflik, yang menggalakkan tindakan kolektif melalui kerjasama komuniti.</li> <li>d. <b>Penciptaan Kandungan</b> – Mengumpul, menyusun, dan menerbitkan maklumat yang boleh dikongsi dengan komuniti perumahan awam untuk membawa kesedaran mengenai isu-isu penghuni perumahan awam dan mengeratkan hubungan komuniti mereka.</li> <li>e. <b>Lain-Lain</b> – Program-program yang tidak disenaraikan, boleh dibincang dengan Think City untuk mendapat penjelasan tentang matlamat projek selari dengan tema geran.</li> </ol>	



## 8 Apakah perbelanjaan yang disokong oleh geran ini?

Berikut adalah contoh-contoh perbelanjaan atau kos yang layak dibiayai Geran Komuniti K2K:

PEMBIAYAAN YANG LAYAK DIMOHON DALAM GERAN	
a. Bahan binaan, alatan-alatan, kelengkapan bangunan dan landskap **	Bahan mentah, alatan-alatan, kelengkapan bangunan dan landskap mengikut keperluan projek yang dicadangkan. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada; peralatan elektrik dan mekanikal, alatan pengurusan sisa, peralatan sukan dan rekreasi, peralatan diagnostik dan peranti kesihatan, peralatan keselamatan, bahan pendidikan, dan lain-lain.
b. Dokumentasi dan penerbitan	Kos yang berkaitan dengan dokumentasi projek. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kos sewa peralatan penerbitan, kru produksi, dokumentasi, penulis, jurugambar, juruvideo dan penyunting kandungan, dan lain-lain.
c. Aktiviti pemasaran dan promosi	Kos pemasaran dalam media talian atau media tradisional. Seperti iklan di media sosial, barang-barang pemasaran, percetakan katalog/e-katalog, yuran pereka grafik, penulis iklan, bahan percetakan, kos pengedaran kandungan, bahan pemasaran dan promosi kepada radio dan/atau agensi berita.
d. Kepakaran	Kos untuk pemerolehan sumber manusia, pakar-pakar, profesional yang boleh membantu dalam pelaksanaan projek. Ini termasuk jurulatih, kaunselor, guru-guru, penasihat, dan lain-lain. Bergantung kepada pengalaman sumber manusia yang dicadangkan.

*\*\* Contoh yang dinyatakan di atas tidak terhad. Anda boleh hubungi Think City sekiranya anda memerlukan penjelasan lanjut atau sertai klinik permohonan geran yang disediakan.*



## 9 Apakah perbelanjaan yang tidak ditanggung oleh Geran Komuniti K2K?

9.1 Geran ini tidak membiayai:

- 9.1.1 Perbelanjaan silam untuk projek-projek yang telah dimulakan atau dilaksanakan sebelum pemohon menandatangani perjanjian geran komuniti K2K;
- 9.1.2 Kos pembinaan struktur;
- 9.1.3 Kos overhead sedia ada (seperti sewa, insurans, bil utiliti, gaji kakitangan, cukai majlis);
- 9.1.4 Senjata api dan/atau senjata sekuriti;
- 9.1.5 Bahan terlarang (seperti minuman keras, produk tembakau, vape, dadah, dan lain-lain).

## 10 Siapa yang tidak layak memohon Geran Komuniti K2K?

10.1 Permohonan anda tidak akan disokong jika anda:

- 10.1.1 Telah diisytiharkan muflis atau sedang menjalani prosiding muflis;
- 10.1.2 Sedang menghadapi tindakan, tuntutan, atau siasatan jenayah terhadap pemohon;
- 10.1.3 Didakwa dan/atau disabitkan dalam proses jenayah atas nama tertuduh dalam proses kes mahkamah yang belum selesai;
- 10.1.4 Mempunyai laporan penilaian yang belum selesai/tertunggak daripada pembiayaan program silam daripada Think City; dan
- 10.1.5 Terdapat sebarang penemuan tidak menyenangkan terhadap mereka yang memohon semasa proses penilaian (*due diligence*).

10.2 Cadangan anda tidak layak jika projek anda:

- 10.2.1 Tidak boleh dilaksanakan sebelum penghujung 2024;
- 10.2.2 Tidak mematuhi undang-undang dan ordinan yang masih dikuatkuasakan;
- 10.2.3 Mencetuskan konflik sosial dalam konteks masyarakat berbilang budaya di Malaysia;
- 10.2.4 Mengancam keselamatan atau kestabilan negara.



**11 Apakah dokumen yang perlu dikemukakan bersama-sama permohonan anda?**

11.1 Cadangan pemohon harus disertakan dengan mengenal pasti masalah yang mahu diatasi, proses atau kaedah pelaksanaan projek, keperluan teknikal projek (dimana yang berkenaan), dan kos pelaksanaan. Sebagai panduan, projek yang dicadangkan harus memenuhi nilai-nilai asas ini:

11.1.1 **Penuh hormat** – Projek yang mencerminkan dan menghormati budaya tempatan, sejarah nasional, kepelbagaian bangsa, undang-undang dan ordinan negara.

11.1.2 **Inklusif** – Projek yang inklusif, dan terbuka kepada golongan komuniti daripada pelbagai latar belakang tanpa mengira umur, bangsa, kelas sosial, keupayaan atau jantina.

11.1.3 **Inovatif** – Projek inovatif yang menyumbang kepada penggunaan kaedah atau idea baharu yang maju dan relevan kepada komuniti.

11.1.4 **Keusahawanan** – Menampilkan pelbagai set kemahiran keusahawanan untuk menjana pendapatan untuk penghuni perumahan awam.

11.2 Semua pemohon dikehendaki mengemukakan dokumen berikut (dalam format PDF):

Penghuni	Bukan Penghuni
a. Borang permohonan geran yang telah dilengkapkan.	a. Borang permohonan geran yang telah dilengkapkan.
b. CV/bio/profil/portfolio pemohon dan ahli-ahli kumpulan (jika ada)	b. CV/bio/profil/portfolio pemohon (untuk pakar-pakar dan/atau organisasi)
c. Bajet – pecahan terperinci bajet menunjukkan kos keseluruhan projek. Sila lampirkan perincian penuh bajet anda di penghujung borang permohonan anda. (Templat perincian bajet ada disertakan dalam borang permohonan.)	c. Bajet – pecahan terperinci bajet menunjukkan kos keseluruhan projek. Sila lampirkan perincian penuh bajet anda di penghujung borang permohonan anda. (Templat perincian bajet ada disertakan dalam borang permohonan.)
d. Penyata bank yang menunjukkan bukti alamat surat-menyurat dan/atau nombor akaun bank pemohon/syarikat.	d. Penyata bank yang menunjukkan bukti alamat surat-menyurat dan/atau nombor akaun bank pemohon/syarikat.
e. <b>Bagi kumpulan rasmi:</b> Sila berikan butiran syarikat anda – Sijil Pendaftaran dengan Pendaftar Syarikat/Pertubuhan/Perniagaan-	e. Butiran syarikat ( <b>untuk organisasi</b> ) – Sijil Pendaftaran dengan Syarikat/Pertubuhan/Perniagaan-





<p>Borang 9, 13, 24, 44, 49, M&amp;A.</p> <p>f. <b>Bagi kumpulan tidak formal:</b> Sediakan salinan IC (belakang dan depan) bagi setiap ahli kumpulan.</p> <p>g. Dokumen sokongan lain – gambar-gambar, video, untuk menggambarkan cadangan tapak projek, kos ahli, dokumen penyelidikan, dan lain-lain.</p> <p>h. Cadangan projek haruslah dihantar sama ada dalam format PowerPoint atau PDF.</p> <p>i. Bukti kediaman di salah satu daripada 10 lokasi sasaran K2K, seperti salinan kad pengenalan (IC), bil air atau surat pengesahan oleh pihak pengurusan bangunan perumahan awam, Persatuan Penduduk (RA) atau Rukun Tetangga. Pemohon harus menetap di perumahan awam tersebut. Jika anda tidak menetap di perumahan awam tersebut, permohonan anda tidak akan diluluskan.</p>	<p>Borang 9, 13, 24, 44, 49, M&amp;A.</p> <p>f. Dokumen sokongan lain – gambar-gambar, video, untuk menggambarkan cadangan tapak projek, kos ahli, dokumen penyelidikan, dan lain-lain.</p> <p>g. Cadangan projek haruslah dihantar sama ada dalam format PowerPoint atau PDF.</p> <p>h. Kelulusan/sokongan bertulis daripada komuniti bagi menunjukkan mereka bersetuju atau menyokong idea tersebut, bersama-sama dengan bukti kediaman mereka di salah satu daripada 10 lokasi sasaran K2K, seperti salinan kad pengenalan (IC), bil air, atau surat pengesahan oleh pengurusan bangunan perumahan awam, Persatuan Penduduk (RA) atau Rukun Tetangga.</p>
--	--

## 12 Bagaimanakah cara untuk memohon geran ini?

12.1 Pemohon yang berminat boleh menghantar permohonan mereka melalui salah satu saluran berikut:

12.1.1 Melalui e-mel kepada [kita2kita@thinkcity.com.my](mailto:kita2kita@thinkcity.com.my);

12.1.2 Melalui pos kepada [Think City Kuala Lumpur, Level 1, 36-40, Jalan Tun H S Lee, Kuala Lumpur City Centre, 50100 Kuala Lumpur, Federal Territory of Kuala Lumpur](#) (u.p. Program K2K)

12.2 Pemohon digalakkan untuk menghadiri **Sesi Maklumat** untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai geran ini dan skop yang diliputi.

12.3 **Sesi Maklumat** akan diadakan secara fizikal di tapak kompleks perumahan awam sasaran K2K dan juga dalam talian pada tarikh yang akan diumumkan. Peserta yang menghadiri sesi tersebut mempunyai peluang yang lebih tinggi untuk permohonan mereka berjaya. Sila layari [laman web K2K](#) dan/atau media sosial untuk jadual sesi maklumat.



12.4 **Klinik Permohonan Geran** akan disediakan untuk pemohon yang ingin menyemak semula permohonan mereka. Pemohon boleh sama ada menjadualkan temu janji secara bersemuka (*one-on-one*) dengan pasukan K2K pada masa yang sesuai. Sila layari [laman web K2K](#) dan/atau media sosial untuk maklumat lanjut mengenai tempahan sesi klinik permohonan geran anda.

### 13 ***Apa yang berlaku selepas anda memohon?***

13.1 Geran akan mula menerima permohonan mulai 31 Januari 2024.

13.2 Geran akan tamat apabila kesemua dana sudah diberikan pada tahun 2024.

13.3 Semua permohonan akan dinilai dan diluluskan melalui proses penilaian yang kompetitif. Proses penilaian permohonan adalah seperti berikut:



\***FORKOM bermaksud Forum Komuniti:** Di setiap 10 lokasi sasaran K2K, sekretariat khusus yang terdiri daripada ahli komuniti perumahan awam ditubuhkan. Kumpulan yang diberi kuasa ini ditugaskan untuk mewakili dan menangani keperluan serta keutamaan komuniti mereka dalam program K2K.

\*\**Proses tertakluk kepada perubahan atau pindaan dari semasa ke semasa yang mungkin perlu diputuskan mengikut budi bicara Think City.*

## **14 Apakah yang berlaku selepas permohonan dinilai?**

### **14.1 Permohonan yang Berjaya**

- 14.1.1 Pemohon yang berjaya akan menerima pemberitahuan e-mel rasmi dengan Surat Tawaran (ST). Bagi pemohon tanpa e-mel, pemberitahuan juga akan dikongsi dengan FORKOM dan boleh diperolehi di sana, jika perlu.
- 14.1.2 Pemohon dikehendaki mengemukakan semula kepada Think City Surat Tawaran yang ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan iaitu tujuh (7) hari selepas penerimaan ST. Kegagalan untuk menerima ST dalam tempoh sah akan menyebabkan permohonan terbatal.
- 14.1.3 Sebagai penerima geran yang berjaya, anda akan dikehendaki menghadiri **Taklimat Penerima Geran** dengan Think City untuk mengesahkan terma dan syarat pemberian geran.
- 14.1.4 Setelah indikasi pencapaian projek yang dicadangkan telah dipersetujui oleh kedua-dua penerima geran dan pihak Think City, anda akan menerima Surat Anugerah (SA) yang menyatakan:
- Jumlah geran yang diluluskan dan tujuan
  - Terma dan syarat projek
  - Skop kerja dan senarai indikasi pencapaian penting

### **14.2 Pemohonan yang Tidak Berjaya**


- 14.2.1 Pemohon yang tidak berjaya akan menerima pemberitahuan e-mel jika permohonan mereka tidak dipilih.

### **14.3 Rayuan**

- 14.3.1 Think City tidak akan melayan sebarang rayuan. Semua keputusan adalah muktamad.

## 15 Bagaimanakah anda akan menerima pembiayaan?

- 15.1 Pembiayaan akan disalurkan kepada akaun bank pemohon, setelah projek cadangan mereka berjaya mencapai pencapaian dan penyerahan yang dipersetujui.
- 15.2 Pembiayaan akan disalurkan dalam tempoh 30 hari selepas kelulusan laporan pencapaian projek dihantar kepada Think City oleh pemohon.
- 15.3 Peratusan dan penyampaian setiap pencapaian yang telah ditentukan oleh skop projek, tertakluk kepada kelulusan laporan pencapaian projek mereka oleh pihak Think City. Aliran proses pemberian geran seperti di bawah:



- 15.4 Bagi pemantauan pelaksanaan projek, pemohon yang berjaya dikehendaki menyerahkan laporan indikasi pencapaian kepada Think City untuk memastikan akauntabiliti penggunaan dana geran.

## 16 Apakah yang dikehendaki oleh pemohon yang berjaya?

- 16.1 Sepanjang tempoh geran, pemohon dikehendaki untuk:
  - a. Melaksanakan cadangan projek dalam tempoh geran yang dinyatakan dalam Surat Anugerah (SA) dan mematuhi keperluan laporan projek mereka.
  - b. Sentiasa berhubung dengan Think City untuk memberitahu tentang operasi projek atau sebarang perubahan dalam skop kerja dalam garis masa pelaksanaan projek.
  - c. Mematuhi garis panduan penjenamaan Think City dan K2K iaitu kemasukan logo pada semua bahan publisiti dan pemasaran projek.
- 16.2 Laporan Pencapaian mesti diserahkan pada penghujung setiap pencapaian yang



dipersetujui dan "Laporan Akhir Projek" perlu diberi pada penghujung projek, disertakan dengan:

- a. Tinjauan Penilaian Hasil yang akan dikemukakan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas projek siap (disediakan oleh Think City);
- b. Penyata pembelanjaan yang menggariskan pembelanjaan dana yang sebenar (templat disediakan oleh Think City); dan
- c. Sebarang bentuk bahan sokongan seperti fotografi, videografi dan/atau bahan pemasaran yang diterbitkan.

### **Nota Tambahan:**

Think City berhak untuk membatalkan sebarang permohonan/kelulusan sekiranya terdapat:

- *Perubahan dalam skop projek tanpa pemberitahuan dan kelulusan oleh pihak Think City;*
- *Tidak dapat menyiapkan projek mengikut cadangan yang dikemukakan (tanpa justifikasi yang sah);*
- *Pelanggaran terma dan syarat yang telah dinyatakan dan dipersetujui dalam Surat Anugerah geran.*

### **17 Siapakah yang boleh dihubungi jika anda mempunyai soalan?**

17.1 Jika anda mempunyai sebarang soalan atau ingin membincangkan permohonan anda secara terperinci, sila hubungi eksekutif K2K, Think City, di **+6011 1112 4755** atau e-mel kepada [kita2kita@thinkcity.com.my](mailto:kita2kita@thinkcity.com.my) dengan pertanyaan anda; janji temu juga boleh dilakukan bersama pihak K2K Think City.

### **Mengenai Think City**

Think City adalah organisasi impak ditubuhkan pada 2009 untuk membina tempat yang lestari dan saksama untuk manfaat semua. Ilmu, kemahiran dan strategi kami bertumpukan dalam penyelesaian bandar, alam sekitar, komuniti sosial dan ekonomi seni budaya. Think City adalah sebuah subsidiari milik penuh Khazanah Nasional (dana kekayaan Kerajaan Malaysia). Untuk maklumat lanjut, layari [www.thinkcity.com.my](http://www.thinkcity.com.my).